



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)

Biri-biri istimewa Barbados Black Belly jadi tumpuan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	9	23 September

Utusan Malaysia
ISNIN • 23 SEPTEMBER 2024

9



DUA kanak-kanak memberi makan kepada anak kambing di salah sebuah reruai MAHA 2024 semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Biri-biri istimewa Barbados Black Belly jadi tumpuan

SERDANG: Biri-biri baka Barbados Black Belly yang memiliki bulu hitam bawah perut antara tarikan pengunjung pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Pengurus Pembaka Tulen Sdn. Bhd., Alif Hakimi berkata, baka tersebut dibawakan khas untuk 'tontonan' awam sempena sambutan ke 100 tahun pameran tersebut.

Menurut beliau, baka berasal dari Kepulauan Barbados itu kini diternak secara tempatan sejak pertama kali dibawa 40 tahun lalu.

"Baka ini kalau orang tengok, mereka ingat kambing,

tetapi sebenarnya ia sejenis biri-biri.

"Kami bawa baka ini khas untuk pameran sempena sambutan MAHA ke 100 tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kata Alif, baka biri-biri itu menjadi tarikan pengunjung kerana keunikan pada warna dan bulunya yang menyerupai kambing.

"Keistimewaan baka ini adalah pada bulu berwarna hitam pada bahagian perutnya.

"Kami memang bawakan khas untuk dipamerkan dan sebagai interaksi bersama pengunjung terutama kanak-kanak," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR